



INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)
www.ijemp.com



**ANALISIS SCORE TERHADAP PENERAPAN ELEMEN
KEUSAHAWANAN MURID SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA**

*SCORE ANALYSIS ON THE IMPLEMENTATION OF ENTREPRENEURIAL
ELEMENTS AMONG PRIMARY SCHOOL PUPILS IN MALAYSIA*

Siti Nuur Rahmah Mahmood¹, Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore^{2*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Email: p121896@siswa.ukm.edu.my

² Pusat Kajian Kepimpinan dan Polisi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Email: effendi@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.06.2025

Revised date: 17.07.2025

Accepted date: 26.08.2025

Published date: 22.09.2025

To cite this document:

Mahmood, S. N. R., Matore, M. E. E. M. (2025). Analisis Score Terhadap Penerapan Elemen Keusahawanan Murid Sekolah Rendah Di Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 8 (31), 506-519.

DOI: 10.35631/IJEMP.831034

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Seiring dengan keperluan Revolusi Industri Kelima (IR 5.0), penerapan elemen keusahawanan dalam pendidikan sekolah rendah merupakan inisiatif strategik ke arah melahirkan generasi yang berdaya saing, inovatif dan berdaya tahan. Walaupun kepentingannya semakin diiktiraf, perbincangan mengenai usaha memupuk nilai keusahawanan—seperti pemikiran kreatif, kepimpinan, penyelesaian masalah, daya tahan dan keberanian mengambil risiko—dalam kalangan murid sekolah rendah masih terbatas dalam wacana pendidikan. Kertas konsep ini bertujuan untuk menghuraikan pelaksanaan elemen keusahawanan dalam kalangan murid sekolah rendah dengan menggunakan Model SCORE sebagai kerangka sistematik. Analisis konseptual dijalankan berdasarkan lima komponen utama model ini: Kekuatan, Cabaran, Pilihan, Tindakan dan Keberkesanan. Dapatan menunjukkan bahawa Model SCORE membolehkan guru dan pihak sekolah merancang intervensi pendidikan keusahawanan secara berperingkat dan bersesuaian dengan konteks setempat. Model ini turut menekankan kepentingan pendedahan awal, pembangunan profesional guru, penglibatan komuniti, dan pemantauan program secara berterusan. Kelemahan utama kajian ini adalah penumpuan kepada satu model tunggal; oleh itu, kajian lanjutan menggunakan kerangka alternatif seperti SWOT, TOWS, NOISE dan SOAR boleh menawarkan perspektif yang lebih luas. Penemuan ini membawa implikasi penting terhadap dasar pendidikan keusahawanan, reka bentuk kurikulum dan strategi latihan guru di peringkat sekolah rendah. Kajian empirikal lanjutan disarankan untuk menilai kesan pelaksanaan elemen keusahawanan terhadap sikap dan tingkah laku murid dalam konteks bilik darjah sebenar.

Kata Kunci:

Penerapan Elemen Keusahawanan; Murid Sekolah Rendah; Elemen Merentas Kurikulum; Model SCORE; Pendidikan Keusahawanan

Abstract:

In response to the demands of the Fifth Industrial Revolution (IR 5.0), the integration of entrepreneurial elements in primary school is a strategic initiative to develop a generation that is competitive, innovative, and resilient. Despite its growing importance, discussions on fostering entrepreneurial values—such as creative thinking, leadership, problem-solving, resilience, and risk-taking—among young learners remain limited in educational discourse. This concept paper aims to elaborate on the implementation of entrepreneurial elements among primary school pupils using the SCORE Model as a systematic framework. A conceptual analysis was conducted based on the five components of the model: Strengths, Challenges, Options, Responses, and Effectiveness. Findings indicate that the SCORE Model enables educators and schools to design phase-based, context-specific entrepreneurial interventions. It also highlights the importance of early exposure, teacher professional development, community collaboration, and continual program monitoring. The primary limitation of this study is its reliance on a single model; therefore, future research employing alternative frameworks such as SWOT, TOWS, NOISE, and SOAR may yield broader perspectives. These findings have significant implications for entrepreneurship education policy, curriculum design, and teacher training strategies at the primary school level. Further empirical investigation is recommended to assess the model's impact on students' entrepreneurial attitudes and behaviours in actual classroom settings.

Keywords:

Entrepreneurial Elements Implementation; Primary School Pupils; Cross-Curricular Elements; SCORE Model; Entrepreneurship Education

Pengenalan

Dalam usaha mendepani Revolusi Industri Kelima (IR 5.0), elemen keusahawanan semakin mendapat perhatian sebagai salah satu pendekatan penting dalam membentuk pelajar yang bukan sahaja celik ilmu, tetapi juga mampu mencipta peluang dan beradaptasi dengan perubahan. Penerapan elemen keusahawanan di sekolah rendah adalah salah satu langkah penting dalam usaha menggalakkan pembangunan kemahiran dan pemikiran yang diperlukan untuk berjaya dalam ekonomi global yang semakin dinamik dan tidak menentu (Jaenudin, Octavilona, & Astuti, 2022). Menyedari hakikat ini, elemen keusahawanan di Malaysia perlu disisipkan secara tidak langsung semasa PdP di bilik darjah melalui Elemen Merentas Kurikulum (EMK) seperti yang tertera dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Penerapan elemen keusahawanan adalah demi melahirkan murid yang berfikir kreatif dan kritis, berdaya saing, inovatif serta mampu mengambil inisiatif.

Namun begitu, penerapan elemen ini di peringkat sekolah rendah sering berdepan dengan pelbagai kekangan dan cabaran seperti kekurangan masa, sumber, dan pemahaman guru yang berbeza-beza mengenai konsep keusahawanan. Kajian oleh Janius, Jahadi, Abdullah, dan Ling (2023) mendapati bahawa pendidikan keusahawanan merupakan aspek penting bagi

perkembangan kreativiti kanak-kanak sejajar dengan sifat-sifat usahawan berjaya iaitu kreatif dan inovatif. Walau bagaimanapun, situasi semasa pendidikan keusahawanan di Malaysia menunjukkan bahawa terdapat keperluan penting untuk transformasi sistem pendidikan, khususnya melalui pendekatan berasaskan sekolah (Saifuddin, Janudin, & Salleh, 2022), pengintegrasian aspek teori, pengalaman langsung dan kerja sebenar (Abdullah, Rahim, & Syahrir, 2024), dan inisiatif digital berasaskan experiential learning (Yusof, Murad, & Yusof, 2022).

Justeru, satu pendekatan yang lebih sistematik diperlukan bagi memastikan elemen ini dapat diterapkan secara berkesan dan berimpak tinggi dalam kalangan murid sekolah rendah. Salah satu pendekatan yang dicadangkan ialah dengan berpandukan Model SCORE. Model SCORE telah banyak digunakan dalam kajian – kajian lepas seperti (Akimi, Matore, Hadi, Ibrahim, & Majid, 2024; Tahir & Matore, 2024; Ibrahim, Norman, & Nasir, 2025).


Model SCORE

Model SCORE adalah pendekatan berorientasikan tindakan yang komprehensif dan positif yang memanfaatkan kekuatan dan peluang sambil menangani potensi dan cabaran (Tahir & Matore, 2024) yang terdiri daripada lima elemen yang saling melengkapi iaitu Strengths (Kekuatan), Challenges (Cabaran), Options (Pilihan), Responses (Tindakan), dan Effectiveness (Keberkesanan) (Neal, 2023). Setiap elemen dalam model ini berperanan untuk membantu guru, pentadbir dan penggubal dasar memahami situasi semasa pelaksanaan penerapan elemen keusahawanan, merancang tindakan yang bersesuaian, dan menilai keberkesanannya secara berterusan. Analisis Model SCORE merangkumi pendekatan yang komprehensif dan sistematik terhadap sesebuah organisasi yang mana dapat membantu pembuat keputusan untuk membuat keputusan yang termaklum. Penekanan terhadap kedua-dua faktor dalaman dan luaran memastikan pemahaman holistik tentang situasi semasa organisasi dan peluang serta cabaran yang dihadapinya. Hasilnya, analisis ini membolehkan sesebuah organisasi memanfaatkan kekuatan mereka, mengatasi cabaran, merebut peluang dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk merealisasikan visi organisasi (Akimi, Matore, Hadi, Ibrahim, & Majid, 2024).

Model SCORE telah dibangunkan sebagai satu pendekatan strategik untuk tujuan refleksi, perancangan dan penambahbaikan berterusan dalam pelbagai bidang, termasuk bidang pendidikan. Model ini digunakan secara meluas dalam pengurusan perubahan, penilaian program dan pembangunan kurikulum. Dalam konteks pendidikan keusahawanan, model SCORE berfungsi sebagai panduan sistematik untuk mengenal pasti kekuatan sedia ada, cabaran yang dihadapi, pilihan alternatif yang berdaya maju, tindakan susulan yang boleh dilaksanakan serta menilai keberkesanan setiap intervensi. Selain model SCORE, terdapat banyak model lain yang berkaitan seperti SWOT, TOWS, NOISE, dan SOAR. Model SWOT (Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats) memberi panduan untuk membezakan kekuatan dan kelemahan dalaman, peluang dan ancaman luaran yang boleh mengubah sesuatu inisiatif. TOWS pula merupakan pengembangan daripada SWOT, yang menekankan hubungan strategik antara faktor dalaman dan luaran untuk merancang tindakan yang lebih konkrit. Model NOISE (Needs, Opportunities, Improvements, Strengths, Exceptions) pula memberi fokus kepada keperluan dan ruang penambahbaikan dengan mengiktiraf kekuatan dan kejayaan terdahulu. Manakala SOAR (Strengths, Opportunities, Aspirations, Results) lebih menumpukan kepada pendekatan positif dan membina, dengan memberi perhatian kepada aspirasi dan hasil yang ingin dicapai, sesuai digunakan dalam persekitaran pendidikan yang mendorong potensi pelajar. Walau bagaimanapun, model SCORE membolehkan pengguna

menyusun strategi dengan lebih jelas dan memastikan setiap langkah disokong oleh data dan maklum balas berterusan (Ibrahim et al., 2025). Hal ini kerana, model ini terdiri daripada lima elemen yang saling melengkapi iaitu; (i) Strengths/Kekuatan iaitu mengenal pasti kelebihan dan sumber dalaman yang menyokong pelaksanaan, (ii) Challenges/Cabaran iaitu mengenal pasti halangan dan masalah yang mengganggu pelaksanaan, (iii) Options/Pilihan iaitu menyenaraikan alternatif dan pendekatan strategik yang boleh diambil (iv) Responses/Tindakan iaitu melaksanakan tindakan berdasarkan pilihan yang telah dikenal pasti, dan (iv) Effectiveness/Keberkesanan iaitu menilai kesan dan kejayaan tindakan tersebut.

Rajah 1 menggambarkan model SCORE yang melangkaui analisis SWOT. Model SCORE berfungsi secara berputar (iteratif), iaitu satu proses berulang yang membolehkan penambahbaikan dilakukan secara berterusan. Dalam konteks ini, setiap pelaksanaan akan dinilai melalui keberkesanannya, dan hasil penilaian tersebut akan menjadi maklum balas untuk mengenal pasti kekuatan dan cabaran baharu. Hal ini seterusnya akan mencetuskan semula proses pemilihan strategi, tindakan, dan penilaian dalam kitaran yang berterusan.



Rajah 1: Model SCORE Sebagai Penilaian Berasaskan Strategi Yang Melangkaui SWOT

Sumber: Neal, 2023

Pendekatan ini membolehkan guru menyesuaikan intervensi mereka secara dinamik dan progresif mengikut konteks sebenar di bilik darjah. Tambahan pula, apabila PBS diperkasakan bagi menggantikan Ujian penilaian Sekolah Rendah (UPSR), guru-guru perlu menggunakan penilaian profesional mereka untuk mentaksir murid-murid dan membuat keputusan (Hadi, Matore, Ibrahim, Majid, & Ismail, 2024). Model SCORE membantu guru merancang intervensi yang lebih tersusun dan berfokus, terutamanya dalam menerapkan nilai keusahawanan dalam pendidikan asas yang membolehkan proses penambahbaikan berterusan dilaksanakan melalui maklum balas dan pemantauan hasil secara konsisten.

Kekuatan (Strengths)

Elemen Strengths merujuk kepada kelebihan dan sumber dalaman yang boleh dimanfaatkan dalam pelaksanaan penerapan elemen keusahawanan di sekolah rendah, seperti pengetahuan guru, sumber sekolah atau sokongan pentadbiran. Guru-guru sekolah rendah

bertanggungjawab untuk menerapkan sepuluh elemen merentas kurikulum (EMK) berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi (DSKP) iaitu Bahasa, Kelestarian Alam Sekitar, Nilai Murni, Sains dan Teknologi, Patriotisme, Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), Kelestarian Global, dan Pendidikan Kewangan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2021). Elemen-elemen ini disisipkan secara tidak langsung dalam PdP untuk diintegrasikan bersama mata pelajaran yang diajar. Elemen ketujuh iaitu keusahawanan menjadi fokus kepada kajian ini. Berdasarkan Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan terbitan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) 2012, integrasi ini membantu guru untuk menyatukan elemen-elemen keusahawanan dalam situasi pembelajaran yang sebenar. Sejak beberapa dekad yang lalu, pendidikan keusahawanan telah diperkenalkan sebagai pendekatan menyeluruh di sekolah untuk merangsang minda keusahawanan yang merentasi pelbagai peringkat pendidikan (Baggen, Lans, & Gulikers, 2021).

Antara kekuatan utama yang menyokong penerapan EMK keusahawanan adalah sokongan Dasar Pendidikan Negara sendiri. Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjadikan keusahawanan sebagai satu elemen yang tidak boleh diketepikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 di bawah aspirasi yang ketiga iaitu kemahiran memimpin. Guru-guru sekolah rendah bertanggungjawab untuk menerapkan sepuluh elemen merentas kurikulum (EMK) seperti yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) iaitu Bahasa, Sains dan Teknologi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Nilai Murni, Patriotisme, Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan, Pendidikan Kewangan, Pendidikan Keselamatan Jalan Raya, dan Kelestarian Global (Kementerian Pendidikan Malaysia & Adnan, 2021).

Kekuatan seterusnya ialah dengan adanya pendedahan awal melalui aktiviti kokurikulum. Murid diberi peluang untuk menyertai pelbagai aktiviti keusahawanan seperti Hari Kantin, Kelab Keusahawanan, dan Program Usahawan Muda. Program-program ini membina kemahiran kepimpinan, keyakinan diri dan komunikasi serta menggalakkan murid menjana idea kreatif melalui pengalaman sebenar (Saba, 2023). Usaha yang telah dilaksanakan oleh KPM dan MDEC (2023) seperti inisiatif My Digital Teacher dan knowledge bank memberi sokongan penting kepada guru dalam memperkukuh PdP berasaskan digital, termasuk elemen keusahawanan. Tambahan pula, pendekatan pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah semakin diperkasakan melalui kerjasama pihak industri komunikasi seperti U Mobile yang memperkenalkan projek sekolah tanpa tunai bagi meningkatkan literasi kewangan murid (Sabapatty, 2024).

Pada penghujung tahun 2024, seramai 357,898 murid telah mencapai tahap sederhana dan fasih digital menerusi Digital Competency Score (DCS) (Berita RTM, 2024). Peningkatan literasi digital murid juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kekuatan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan murid sekolah rendah. Kebolehcapaian kepada peranti digital dan internet membuka ruang kepada murid untuk meneroka aspek keusahawanan digital. Hal ini termasuklah pendedahan kepada platform e-dagang, reka bentuk produk, dan pemasaran media sosial. Di samping itu, generasi Alpha menunjukkan kecenderungan tinggi terhadap teknologi, menjadikan keusahawanan digital satu platform yang efektif (Ziatdinov & Cilliers, 2021). Sokongan seperti modul pembelajaran digital entrepreneurkids yang telah mula digunakan di tadika juga telah menunjukkan impak positif terhadap pembangunan nilai keusahawanan dalam kalangan murid (Ismail & Masnan, 2023).

Peranan ibu bapa dan komuniti setempat turut menjadi penggerak kepada kejayaan penerapan elemen keusahawanan. Ramai ibu bapa yang bertindak sebagai mentor atau pembimbing kepada anak-anak dalam aktiviti niaga kecil, memberikan pendedahan sebenar kepada budaya keusahawanan (Suzanti & Maesaroh, 2017). Justeru, sokongan padu dan contoh teladan daripada pihak ibu bapa dan komuniti sekaligus dapat menggambarkan simulasi serta kefahaman yang lebih mendalam kepada murid terhadap aktiviti keusahawanan.

Secara keseluruhannya, kekuatan-kekuatan ini memberikan landasan yang kukuh untuk menerapkan elemen keusahawanan secara lebih sistematik dan menyeluruh di peringkat sekolah rendah. Dengan penyelarasan dasar, latihan guru dan penyediaan sumber yang mencukupi, pendidikan keusahawanan mampu membentuk generasi muda yang berdaya saing, kreatif dan berdikari.

Cabaran (Challenges)

Dalam usaha menerapkan elemen keusahawanan di peringkat sekolah rendah, pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan keberkesanan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan murid telah dikenal pasti. Antara cabaran utama yang dihadapi oleh guru di sekolah ialah kesediaan mereka dari segi pengetahuan dan isi kandungan serta kekangan masa dan beban kurikulum. Hasil kajian yang dijalankan oleh Rashid dan Othman (2024) mendapati bahawa kesediaan guru dalam melaksanakan EMK keusahawanan dari aspek pengetahuan isi kandungan serta sikap berada pada tahap sederhana. Manakala tahap kesediaan guru dalam melaksanakan EMK keusahawanan dari aspek pengetahuan pedagogi berada pada tahap tinggi.

Hal ini membuktikan bahawa guru mempunyai kesediaan dari aspek pengetahuan dalam melaksanakan EMK keusahawanan namun kurang bersedia dari segi sikap dan isi kandungan EMK keusahawanan. Jadual pengajaran yang padat di sekolah juga menyukarkan guru untuk membahagikan masa PdP dengan aktiviti keusahawanan. Keutamaan sering diberikan kepada subjek teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Maka, aktiviti keusahawanan hanya dijalankan secara sambilan dan tidak mendapat tempat yang sewajarnya dalam amalan bilik darjah (Yatim @ Mohd Yatim & Idris, 2016).

Cabaran seterusnya ialah persepsi stereotaip terhadap keusahawanan. Masih wujud tanggapan dalam kalangan ibu bapa dan pihak pentadbir bahawa keusahawanan adalah semata-mata aktiviti perniagaan dan hanya sesuai untuk pelajar lemah akademik atau sebagai aktiviti sambilan, bukan sebagai sebahagian daripada pembangunan insan holistik. Persepsi sempit dalam kalangan sesetengah guru dan ibu bapa yang menganggap keusahawanan hanya berkaitan dengan jual beli juga menjadi cabaran utama dalam memperluas konsep ini kepada pembangunan sahsiah dan kemahiran hidup murid (Salleh & Othman, 2023). Ibu bapa diseru untuk berfikir terbuka dan beralih dari kerangka pekerjaan tetap, supaya mereka memahami bahawa anak-anak mungkin lebih cemerlang sebagai pencipta peluang (Rahman, Sahid, Nor, & Mansor, 2023; Lim, 2023).

Selain itu, tahap kematangan murid yang terhad juga merupakan cabaran yang perlu dihadapi. Secara kognitif, murid sekolah rendah berada dalam fasa operasi konkrit berdasarkan teori perkembangan Piaget yang menjadikan mereka masih belum menguasai sepenuhnya pemikiran abstrak atau kemahiran membuat keputusan secara matang. Piaget mencadangkan bahawa kanak-kanak berusia 7–11 tahun berada dalam peringkat operasi konkrit, yang mana mereka mula berfikir secara logik tetapi masih bergantung pada objek atau situasi konkrit sebagai

sandaran pemikiran (Hayat, Khan, Ahmad, Kamran, & Maleeha, 2024). Oleh itu, pendekatan yang digunakan perlu sesuai dengan peringkat umur dan perkembangan murid.

Ketiadaan sistem penilaian formal bagi mengukur keberkesanan penerapan elemen keusahawanan juga menjadi cabaran yang perlu diambil kira. EMK keusahawanan masih belum ditaksir secara formal dalam sistem pentaksiran kebangsaan. Elemen ini hanya perlu disisipkan semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan dilaksanakan di sekolah. Hal ini menyukarkan guru untuk mengukur keberkesanan penerapan elemen tersebut dalam kalangan murid-muridnya. Justeru, tidak mudah untuk para guru menjalankan intervensi terhadap ketidakcapaian penerapan elemen keusahawanan kerana keberkesanan penerapan elemen ini tidak diukur secara formal.

Secara keseluruhannya, cabaran-cabaran ini menuntut satu pendekatan yang lebih strategik dan menyeluruh oleh pihak berkepentingan. Perlu ada pelaburan dalam latihan guru, perubahan dasar pendidikan, penambahbaikan kurikulum serta pembangunan bahan bantu belajar yang menyokong pendidikan keusahawanan peringkat awal secara berkesan. Tambahan pula, terdapat kekurangan bahan bantu mengajar yang khusus dan sesuai untuk peringkat umur sekolah rendah, selain kurangnya modul yang sistematik untuk membantu guru melaksanakan aktiviti keusahawanan secara konsisten.

Pilihan (Options)

Dalam usaha menerapkan elemen keusahawanan di peringkat sekolah rendah, terdapat pelbagai pilihan (options) yang boleh diguna pakai oleh pihak sekolah, guru, pentadbir pendidikan dan komuniti. Pilihan ini mencakupi pendekatan pedagogi, kerjasama strategik dan penggunaan teknologi bagi menyokong pelaksanaan program keusahawanan secara menyeluruh dan berkesan.

Pilihan yang pertama ialah penggunaan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL). Pembelajaran berasaskan projek ialah kaedah pembelajaran yang membolehkan murid mempelajari topik yang diberikan sehingga menghasilkan produk pada akhir pembelajaran. Aktiviti ini juga mampu menggalakkan murid untuk berfikir secara kritis, kreatif, sistematik dan logik (Majud & Jamaludin, 2024). PBL membolehkan murid menjalankan aktiviti seperti situasi sebenar seperti merancang perniagaan kecil, mereka produk baharu atau menyelesaikan masalah pengguna. Contohnya, guru boleh merangka projek mingguan atau bulanan yang berkait dengan tema keusahawanan. Pihak sekolah juga boleh melaksanakan penggunaan modul keusahawanan awal kanak-kanak seperti Young Entrepreneurs Program (YEP) dan Bijak Niaga yang dibangunkan untuk murid sekolah rendah.

Pilihan yang kedua ialah dengan mentaksir tahap keberkesanan penerapan keusahawanan murid secara formal di sekolah. Elemen keusahawanan boleh diterapkan secara rentas kurikulum seperti dalam subjek Bahasa Melayu (melalui penulisan iklan atau karangan idea perniagaan), Matematik (pengiraan untung rugi), dan RBT (reka bentuk dan teknologi). Pendekatan ini akan menjadikan keusahawanan lebih relevan dan mudah dihayati murid (Kementerian Pendidikan 2023). Tahap keberkesanan penerapan elemen keusahawanan murid-murid juga perlu diukur agar guru dan pembuat dasar dapat menjalankan intervensi terhadap kaedah penerapan yang sesuai. Justeru, satu kaedah pengukuran perlu diwujudkan bagi memastikan matlamat Dasar Pendidikan Negara untuk menyediakan murid yang holistik dapat dicapai. Kaedah ini mampu memberikan fleksibiliti kepada sekolah untuk merangka strategi yang sesuai mengikut konteks tempatan, tahap kematangan murid, dan kekuatan sumber yang

ada. Pelbagai pendekatan ini boleh digabung secara bersepadu bagi memastikan elemen keusahawanan diterapkan secara efektif dan berimpak tinggi.

Pilihan ketiga ialah memperkasakan penggunaan teknologi dan platform digital di sekolah mahupun di rumah secara pesat. Seiring dengan pelancaran Dasar Pendidikan Digital pada tahun 2023, pelbagai aplikasi seperti Canva, Padlet, Scratch, dan Google Workspace boleh digunakan untuk membolehkan murid mengaplikasikan idea dan kemahiran mereka di aplikasi-aplikasi tersebut dalam aktiviti sebenar, sekali gus meningkatkan literasi digital seawal usia sekolah melalui platform DELIMa (Dasar Pendidikan Digital, 2023; Sailin & Sarif, 2024). Penglibatan industri dan mentor komuniti merupakan salah satu usaha yang boleh digunakan sebagai pilihan untuk menerapkan elemen keusahawanan. Sekolah boleh menjalankan kolaborasi dengan usahawan tempatan, alumni atau agensi seperti PUNB, SME Corp dan MARA untuk memberi bimbingan, ceramah dan sokongan dalam pelaksanaan program keusahawanan yang mana program mentor murid sebegini boleh memberi inspirasi dan panduan praktikal (Azlan, Baharudin, Ja'afar, Abdullah, & Ali, 2022).

Tuntasnya, pelbagai pilihan yang telah dibincangkan memberikan panduan strategik kepada pihak berkepentingan dalam pendidikan untuk melaksanakan intervensi keusahawanan secara kontekstual dan berfokus. Pelaksanaan yang fleksibel dan adaptif membolehkan elemen keusahawanan diterapkan mengikut tahap perkembangan murid, kemampuan sumber sekolah, serta keperluan komuniti setempat. Pendekatan pedagogi seperti PBL, pentaksiran merentasi kurikulum, serta penggunaan teknologi digital dan kolaborasi industri, bukan sahaja meningkatkan keberkesanan penyampaian pendidikan keusahawanan, tetapi turut menyumbang kepada pembinaan sahsiah, kemahiran insaniah dan daya tahan murid. Oleh itu, penerapan elemen keusahawanan dalam pendidikan sekolah rendah perlu digarap secara menyeluruh dan bersepadu agar dapat melahirkan generasi muda yang berfikiran kreatif, inovatif dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Tindakan (Responses)

Berdasarkan kekuatan, cabaran dan pilihan yang dikenal pasti, pelbagai tindakan strategik perlu diambil bagi memastikan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan murid sekolah rendah dapat dijalankan secara sistematik dan berkesan. Tindakan pertama yang boleh diambil ialah latihan dan pembangunan profesional guru. KPM dan IPG disarankan menyediakan kursus pembangunan profesional berterusan (CPD) yang memfokuskan pedagogi pendidikan keusahawanan untuk guru sekolah rendah. Bengkel, latihan dalam perkhidmatan dan bimbingan mentor perlu dilaksanakan secara berkala bagi meningkatkan kompetensi guru. Kajian oleh Osman, Zakaria, dan Mansor (2024) mendapati strategi CPD menggunakan bengkel, komuniti pembelajaran profesional (PLC), mentor dan platform dalam talian meningkatkan keupayaan guru mengajar dan menyokong amalan pedagogi baharu, termasuk pendidikan keusahawanan. Adalah penting untuk mengintegrasikan pendidikan keusahawanan ke dalam latihan guru pelatih (IPG) agar mereka bersedia dan berupaya menyampaikan pedagogi keusahawanan kepada murid (Zulkifli, Suhairom, Wahid, & Saipudin, 2025).

Pembangunan modul dan bahan bantu mengajar khusus boleh menyokong KPM serta institusi pendidikan untuk menerapkan elemen keusahawanan di sekolah rendah. Penghasilan modul pengajaran, bahan bantu mengajar digital dan aktiviti praktikal yang sesuai dengan tahap kognitif murid boleh diperluas dan disesuaikan dengan konteks tempatan (BPK 2012). Pembangunan Program Sekolah Kluster Keusahawanan juga boleh membantu usaha murni ini. Beberapa sekolah boleh dijadikan sekolah rintis yang menunjukkan contoh amalan terbaik

dalam pelaksanaan pendidikan keusahawanan. Sekolah-sekolah ini boleh diberi sokongan kewangan tambahan, latihan khusus dan akses kepada rangkaian usahawan tempatan bagi menjayakan program keusahawanan (Khan, Razak, & Kenayathulla, 2021).

Strategi mengadakan kolaborasi dengan agensi luar dan komuniti juga merupakan salah satu tindakan yang boleh diambil. Usaha sama dengan agensi-agensi korporat seperti SME Corp, PUNB, MARA dan institusi kewangan merupakan satu langkah yang boleh memantapkan penerapan elemen keusahawanan di sekolah. Usahawan daripada pelbagai agensi ini boleh dijemput sebagai mentor, jurulatih atau penyumbang dana kepada program mini keusahawanan di sekolah.

Tindakan-tindakan yang diambil perlu disertai dengan sistem pemantauan dan penilaian yang sistematik bagi melihat impak dan keberkesanan usaha penerapan EMK keusahawanan. Sebagai contoh, penilaian boleh dilakukan melalui pengukuran indikator kejayaan penerapan elemen keusahawanan menggunakan instrumen pengukuran yang formal. Pelaksanaan tindakan-tindakan ini secara konsisten akan membantu pihak sekolah dan pembuat dasar membina ekosistem keusahawanan yang mantap dan seterusnya melahirkan generasi MADANI yang berfikiran kritis, kreatif, holistik, berdaya saing serta mampu memimpin dan menerajui masa hadapan.

Konklusinya, tindakan-tindakan yang dicadangkan bukan sahaja bertujuan memperkukuh pelaksanaan elemen keusahawanan di peringkat sekolah rendah, malah mampu membina kapasiti guru, sekolah dan komuniti dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang menyokong pembangunan minda keusahawanan murid. Melalui latihan guru yang berterusan, pembangunan modul yang relevan, penglibatan agensi luar serta pemantauan sistematik, penerapan elemen keusahawanan dapat dijalankan secara lebih tersusun, berimpak tinggi dan berdaya tahan. Langkah-langkah ini sejajar dengan aspirasi Dasar Pendidikan Negara serta agenda pembangunan pendidikan negara yang menekankan pembentukan modal insan yang seimbang dan dinamik, selari dengan nilai-nilai MADANI dan keperluan abad ke-21.

Keberkesanan (Effectiveness)

Menilai keberkesanan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan murid sekolah rendah amat penting untuk memastikan segala usaha yang dilaksanakan membawa impak positif dan berpanjangan. Beberapa indikator boleh digunakan untuk menilai keberkesanan terhadap usaha yang diambil termasuk perubahan dalam sikap, kemahiran, dan penguasaan nilai keusahawanan murid.

Keberkesanan penerapan elemen keusahawanan dapat dilihat melalui penguasaan murid terhadap kemahiran abad ke-21 seperti kreativiti, pemikiran kritis, kolaborasi dan komunikasi. Kajian oleh Reynolds (2021) menunjukkan bahawa murid yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan menunjukkan pemikiran kreatif dan inovatif serta lebih bersedia menangani cabaran masa depan berbanding murid lain. Aktiviti seperti Hari Keusahawanan, pameran produk murid dan pertandingan inovasi menjadi bukti nyata keberkesanan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan murid. Sebagai contoh, murid sekolah rendah menjalankan PBL dengan menghasilkan produk inovatif daripada bahan tempatan seperti Batik Infusion Travelling Bag dan enzim daripada sisa buah dan sayur. Produk seperti makanan inovatif, barangan kraf atau aplikasi digital mini yang dihasilkan murid menunjukkan bahawa murid mampu menerapkan nilai keusahawanan dalam konteks sebenar (Yan Yun, Amzah, & Mohamed Khalid, 2023).

Seterusnya, keberkesanan penerapan EMK keusahawanan dapat dikenal pasti melalui perubahan sikap dan minat murid terhadap keusahawanan. Kajian oleh Saifuddin et al. (2022) pula mendapati bahawa murid sekolah rendah yang menyertai program keusahawanan yang berterusan dan mendapat pendedahan yang konsisten menunjukkan peningkatan signifikan dari segi minat dan keyakinan untuk menjalankan perniagaan sendiri apabila dewasa kelak. Hal ini menunjukkan bahawa pendedahan awal dan berterusan terhadap elemen keusahawanan mampu membentuk asas pemikiran dan sikap keusahawanan dalam kalangan murid sejak usia muda. Perubahan positif dari segi minat, keyakinan diri dan kecenderungan untuk berniaga mencerminkan keberkesanan pendekatan penerapan pendidikan keusahawanan yang dilaksanakan. Oleh itu, usaha memperkukuh program keusahawanan di peringkat sekolah rendah perlu diteruskan secara konsisten dan disokong dengan dasar yang kukuh serta kerjasama pelbagai pihak bagi melahirkan generasi yang celik keusahawanan dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Keterlibatan ibu bapa dan komuniti sekolah turut memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan program pendidikan keusahawanan. Sekolah seharusnya memberi pencerahan kepada ibu bapa tentang elemen keusahawanan serta pendedahan kepada peluang dan cabaran bidang ini. Sokongan aktif seperti menjadi mentor, menyediakan modal mini atau membantu menghasilkan produk menunjukkan pendekatan ini diterima dan disokong oleh masyarakat (Kamal, Masnan, & Hashim, 2022). Murid yang berjaya diterapkan dengan elemen keusahawanan akan menunjukkan peningkatan dalam keyakinan dan kepimpinan murid sebagai persediaan menghadapi cabaran masa hadapan. Program keusahawanan dapat meningkatkan set minda keusahawanan dalam diri pelajar bagi membantu mereka menghadapi dunia pekerjaan (Nafi & Sahid, 2023). Murid yang terlibat dalam jual beli, promosi produk dan aktiviti pengurusan kewangan kecil menunjukkan keyakinan diri yang lebih tinggi. Ini sejajar dengan dapatan OECD (2023) yang menegaskan bahawa pendidikan keusahawanan awal mampu membina identiti murid yang proaktif dan mampu mengambil risiko terkawal.

Keberkesanan penerapan EMK keusahawanan juga haruslah diukur melalui data dan bukti konkrit, seperti soal selidik murid, instrumen pengukuran, kajian tindakan guru dan data penyertaan. Pendekatan berasaskan bukti ini membolehkan program diperbaiki secara berterusan (KPM 2023) dan intervensi yang bersesuaian dapat dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, keberkesanan penerapan elemen keusahawanan di peringkat sekolah rendah dapat dilihat melalui perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor murid. Keberkesanan ini juga menjadi asas kukuh kepada pembangunan modal insan yang lebih berdaya saing, selaras dengan aspirasi pendidikan negara dan keperluan ekonomi masa kini dan masa hadapan.

Rajah 2 menunjukkan analisis Model SCORE bagi penerapan elemen keusahawanan murid sekolah rendah. Penggunaan model ini menghasilkan satu gambaran holistik dari segi kekuatan, cabaran, pilihan, tindakan dan keberkesanan dalam usaha menerapkan elemen keusahawanan dalam kalangan murid sekolah rendah.



Rajah 2: Model SCORE Bagi Penerapan Elemen Keusahawanan Murid Sekolah Rendah

Kesimpulan

Penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan murid sekolah rendah di Malaysia yang dibincangkan dalam kertas konsep ini membantu mendepani cabaran globalisasi dan pembangunan modal insan negara. Artikel ini memberi bayangan bahawa sistem pendidikan negara memiliki kekuatan tersendiri seperti dasar yang menyokong, keterbukaan kurikulum dan kokurikulum, literasi digital serta sokongan ibu bapa dan komuniti. Walau bagaimanapun, pelaksanaan penerapan elemen keusahawanan masih berdepan pelbagai cabaran seperti kesiediaan guru dari segi kandungan dan kekangan bahan bantu mengajar, pemikiran konvensional tentang keusahawanan, serta ketiadaan alat pengukuran formal. Pilihan dan strategi yang dikenalpasti seperti pembelajaran berasaskan projek (PBL), penglibatan komuniti, serta penerapan teknologi digital perlu disesuaikan dengan konteks tempatan dan kemampuan sekolah. Tindakan yang boleh diambil menunjukkan langkah-langkah proaktif yang sedang dan boleh dilaksanakan, namun keberkesanan jangka panjang hanya dapat dicapai melalui pemantauan impak dan pengukuhan kolaborasi antara pihak berkepentingan.

Kesimpulannya, penerapan elemen keusahawanan di sekolah rendah perlu digerakkan secara bersepadu dengan sokongan berterusan daripada semua pihak termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, guru, ibu bapa, agensi luar dan masyarakat. Pendekatan berasaskan projek, pendidikan digital, latihan guru yang berterusan dan integrasi elemen keusahawanan dalam kurikulum akan memastikan objektif penerapan elemen keusahawanan sekolah rendah tercapai. Dengan membudayakan elemen-elemen keusahawanan sejak usia muda, negara dapat melahirkan generasi MADANI yang kreatif, inovatif, berdaya saing dan bersedia menghadapi perubahan mendatang.

Sumbangan artikel ini jelas kepada wacana penerapan elemen keusahawanan melalui penyediaan kerangka analitik yang komprehensif berdasarkan Model SCORE. Kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang kekuatan, cabaran dan strategi dalam pelaksanaan pendidikan keusahawanan sekolah rendah. Perbincangan ini dijadikan rujukan oleh pembuat dasar, penggubal kurikulum, pendidik, serta penyelidik untuk merancang dan menilai program keusahawanan yang lebih berkesan. Selain itu, penekanan pada keperluan penyelidikan berterusan, pembangunan profesional guru dan penglibatan pelbagai pihak amat diperlukan dalam mewujudkan ekosistem pendidikan dengan elemen keusahawanan yang mampan di Malaysia.

Penghargaan

Para penulis ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak dan ahli akademik yang secara langsung atau tidak langsung telah menyumbang kepada penyempurnaan penulisan makalah ini.

Rujukan

- 357,898 murid capai tahap sederhana dan fasih digital. (2024, December 17). *Berita RTM*. Retrieved from <https://berita.rtm.gov.my>
- Abdullah, S. H., Rahim, M. S., & Syahrir, S. N. M. (2024). The integration of Resource-Based View, Experiential Learning Theory and Entrepreneurship education models as triangulated model in cultivating an entrepreneurial mindset and Work-Based learning experiences as strategies for student career readiness. *International Journal of Research and Innovation in Applied Science*, IX(I), 46–59. <https://doi.org/10.51584/ijrias.2024.90105>
- Akimi, E. M. S., Matore, M. E. @. E. M., Hadi, A. a. A., Ibrahim, S. N. A., & Majid, N. (2024). Optimizing Manipulative Skills Development: The Odyssey with Score Model Assessment. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(9). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v14-i9/22761>
- Azlan, M. A., Baharudin, H., Ja'afar, M. F. A., Abdullah, A. W., & Ali, B. S. K. S. (2022). The effectiveness of the MARA Entrepreneurship Program on the performance of Bumiputera entrepreneurs. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i11/15703>
- Baggen, Y., Lans, T., & Gulikers, J. (2021). Making Entrepreneurship Education available to all: Design principles for educational programs stimulating an entrepreneurial mindset. *Entrepreneurship Education and Pedagogy*, 5(3), 347–374. <https://doi.org/10.1177/2515127420988517>
- Dasar Pendidikan Digital*. (2023). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hadi, A. a. A., Matore, M. E. @. E. M., Ibrahim, S. N. A., Majid, N., & Ismail, E. M. S. a. E. (2024). Professional judgment of teachers in Malaysia based on score modelling diagnostic. *International Journal of Academic Research in Accounting Finance and Management Sciences*, 14(3). <https://doi.org/10.6007/ijarafms/v14-i3/22751>
- Hayat, F., Khan, M., Ahmad, S., Kamran, M., & Maleeha, N. (2024). Exploring the Characteristics of Concrete Operational Stage among Primary School Students. *Qlantic Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 124–132. <https://doi.org/10.55737/qjssh.786349315>
- Ibrahim, N. H., Norman, H., & Nasir, M. K. M. (2025). A Review of the metaverse in Nursing Education: A SCORE Model evaluation. *International Journal of Learning Teaching and Educational Research*, 24(1), 209–224. <https://doi.org/10.26803/ijlter.24.1.11>

- Ismail, M., & Masnan, A. H. (2023, January 25). *Modul Pembelajaran Digital Entrepreneurkids di Tadika*. Retrieved from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/90945/1/90945.pdf>
- Jaenudin, A., Octavilona, C. G., & Astuti, D. P. (2022). Entrepreneur Skills as an Effort to Increase Entrepreneurial Intentions through Entrepreneurship Education. *Advances in Economics, Business and Management Research/Advances in Economics, Business and Management Research*. <https://doi.org/10.2991/aebmr.k.220104.025>
- Janius, N., Jahadi, N. E. H. B., Abdullah, S. N. L. B., & Ling, M. S. (2023). Kesedaran Pendidikan Keusahawanan Terhadap Kerjaya Kanak-Kanak di Masa Hadapan: Satu Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002286. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2286>
- Kamal, S. S. L. A., Masnan, A. H., & Hashim, N. H. (2022). Parental involvement in young Children's Education in Malaysia: A systematic literature review. *International Journal of Learning Teaching and Educational Research*, 21(3), 319–341. <https://doi.org/10.26803/ijlter.21.3.17>
- Kementerian Pendidikan Malaysia, & Adnan, H. A. B. H. (2021). *KSSR BAHASA MELAYU SK TAHUN 6*. book.
- Khan, M. H., Razak, A. Z. A., & Kenayathulla, H. B. (2021). Professional Learning Community, Trust, and Teacher Professional Development in Malaysian Secondary Schools (Komuniti Pembelajaran Profesional, Kepercayaan, dan Perkembangan Profesional Guru di Sekolah Menengah di Malaysia). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(01). <https://doi.org/10.17576/jpen-2021-46.01-04>
- Lim, J. (2023, July 17). Forging entrepreneurial mindset in students. *The Star*. Retrieved from <https://www.thestar.com.my>
- Majud, M. B., & Jamaludin, K. a. B. (2024). Impact of Project-Based Learning (PBL) in teaching and learning facilitation in primary schools. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(3). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v13-i3/22624>
- Nafi, S. N. M., & Sahid, S. (2023). Persepsi, Sikap dan Tanggapan Ibu Bapa Terhadap Bidang Kerjaya Keusahawanan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(7), e002360. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2360>
- Neal, M. (2023, August 15). SWOT, NOISE, SOAR, and SCORE, Tools for Strategy. Retrieved from <https://medium.com/@marcneal/swot-noise-soar-and-score-tools-for-strategy-3b11a30031fd>
- Osman, N., Zakaria, F., & Mansor, M. (2024). TRANSFORMING MALAYSIAN TEACHER AGENCY THROUGH CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT. *International Journal of Education Psychology and Counseling*, 9(54), 523–529. <https://doi.org/10.35631/ijepc.954039>
- Rahman, A. A., Sahid, S., Nor, M. Y. M., & Mansor, A. Z. (2023). Entrepreneurial Mindset and Business Creation among Undergraduate Students in Malaysia Public University. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(3). <https://doi.org/10.6007/ijarbs/v13-i3/16427>
- Rashid, A. Z., & Othman, N. (2024). Readiness of teachers in implementing Entrepreneurship Cross-Curricular Element (EMK) in terms of content knowledge, pedagogy, and attitude. *Advanced International Journal of Business Entrepreneurship and SMEs*, 6(20), 29–43. <https://doi.org/10.35631/aijbes.620003>
- Reynolds, D. (2021). *Using entrepreneurship education to empower students with 21st century skills*. St. Thomas University. Retrieved from <https://www.proquest.com/openview/c9bf81ec239c2c4e06cdf75ac30b9e6d/1?pq->

- origsite=gscholar&cbl=18750&diss=y#:~:text=Conclusions%20were%20that%20crea
tive%20and,constructivist%20learning%20experiences%20offered%20through
- Saba, N. (2023). The role of co-curricular activities in the development of social competencies of students in Malaysia. *the Knowledge*, 2(1), 29–39. <https://doi.org/10.63062/tk/2k23a.24209>
- Sabapatty, K. (2024, July 23). U Mobile laksana projek rintis sekolah digital selama setahun. *Malaysia Gazette*. Retrieved from <https://malaysiagazette.com>
- Saifuddin, S. A., Janudin, S. E., & Salleh, M. I. (2022). The Development of Entrepreneurial School in Malaysia: A proposed Schoolpreneur model. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*, 11(4). <https://doi.org/10.6007/ijarems/v11-i4/15541>
- Sailin, S. N., & Sarif, S. M. (2024, April 3). Navigating the digital classroom in secondary education in Malaysia. *Awani International*. Retrieved from <https://international.astroawani.com>
- Salleh, S. M., & Othman, N. (2023). Minda Usahawan Murid Pelbagai Etnik Sekolah Menengah di Kuching, Sarawak berdasarkan Gender. *Jurnal Dunia Pendidikan*. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.55>
- Suzanti, L., & Maesaroh, S. (2017). Entrepreneurship learning for Early Childhood A case study of children age 4 – 5 in TK Khalifah Ciracas Serang. *Proceedings of the 2nd International Conference on Economic Education and Entrepreneurship (ICEEE 2017)*. Scitepress.
- Tahir, A. N. M., & Matore, M. E. E. M. (2024). Arabic reading proficiency: What’s in waiting through score model Journey? *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, VIII(XI), 897–905. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2024.8110071>
- Yan Yun, L., Amzah, F., & Mohamed Khalid, N. A. (2023). Batik Infusion Travelling Bag: a product of the design thinking process. *E-Proceeding of The International Education Innovation*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Retrieved from <https://fliphtml5.com/pxkmp/ihjp/>
- Yatim @ Mohd Yatim, R., & Idris, M. S. (2016). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Perniagaan dan Keusahawanan dalam Kalangan Guru Kemahiran Hidup Sekolah Rendah di Daerah Batu Pahat dari Persepsi Pelajar. *Online Journal for TVET Practitioners*, 1(1). Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4755>
- Yusof, Z. N., Murad, N., & Yusof, B. (2022). Digital Skills and Entrepreneurial Education in Malaysia: Evidence from Experiential Learning. In *Springer eBooks* (pp. 311–332). https://doi.org/10.1007/978-3-030-87865-8_17
- Ziatdinov, R., & Cilliers, J. (2021). Generation Alpha: Understanding the next cohort of university students. *European Journal of Contemporary Education*, 10(3). <https://doi.org/10.13187/ejced.2021.3.783>
- Zulkifli, N. A., Suhairom, N., Wahid, N. H. A., & Saipudin, N. A. (2025). Fostering entrepreneurial Mindsets in Teacher Trainees: A Study on Entrepreneurship Education for Future Educators. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, IX(IV), 4371–4390. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2025.90400313>